



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index
(Jan 2010=100)

OKTOBER 2018

October 2018




**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENURUN SEBANYAK 0.02 PERATUS
TAHUN-KE-TAHUN PADA BULAN OKTOBER 2018**

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Oktober 2018 menurun sebanyak 0.02 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan Oktober 2017 disebabkan oleh penurunan harga Bukan Makanan sebanyak 0.3 peratus tahun-ke-tahun. Manakala, harga Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 1.1 peratus tahun-ke-tahun.
2. Penurunan IHP sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh penurunan harga dan kos Pakaian dan Kasut (5.7 peratus); Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (1.3 peratus); dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (0.6 peratus). Walau bagaimanapun, ianya diimbangi oleh peningkatan harga dan kos Rekreasi dan Kebudayaan (1.8 peratus); Pendidikan (1.7 peratus); serta Makanan dan Minuman Ringan (1.1 peratus).
3. Harga Pakaian dan Kasut menurun berikutan penurunan harga bahan-bahan pakaian dan kasut. Manakala, penurunan harga dan kos Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah mengambilkira harga barangan perabot dan perhiasan dan juga peralatan rumah yang menurun. Penurunan harga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain pula adalah disebabkan oleh penurunan harga sewa rumah.
4. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi Oktober 2018 menurun sebanyak 0.4 peratus berbanding dengan bulan September 2018. Indeks Makanan dan Minuman Ringan menurun sebanyak 0.2 peratus manakala Indeks Bukan Makanan menurun sebanyak 0.4 peratus.
5. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Oktober 2018 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE: www.depd.gov.bn.

INDEKS HARGA PENGGUNA (2010 = 100)

Divisyen	Kewajaran (%)	Indeks	Perubahan (%)	
		Oktober 2018	Oktober 2018 / Oktober 2017	Oktober 2018 / September 2018
INDEKS KESELURUHAN	100.0	99.4	-0.02	-0.4
Makanan dan Minuman Ringan	19.1	101.7	1.1	-0.2
Pakaian dan Kasut	4.2	88.3	-5.7	-2.3
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	11.1	96.2	-0.6	-0.02
Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah	11.0	94.1	-1.3	-0.1
Kesihatan	1.3	102.1	2.7	0.3
Pengangkutan	18.8	98.3	-0.2	-1.3
Perhubungan	6.0	100.1	-0.3	-0.04
Rekreasi dan Kebudayaan	9.1	101.9	1.8	-0.01
Pendidikan	3.9	110.8	1.7	-
Restoran dan Hotel	8.9	103.3	0.4	0.1
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	6.5	101.1	-0.7	0.4





MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) DECREASED BY 0.02 PER CENT
YEAR-ON-YEAR IN OCTOBER 2018**

1. *The Consumer Price Index (CPI) in October 2018 decreased by 0.02 per cent year-on-year compared to October 2017 due to a decrease in Non-Food prices by 0.3 per cent year-on-year. Meanwhile, prices of Food and Non-Alcoholic Beverages increased by 1.1 per cent year-on-year.*
2. *The CPI decrease was mainly due to decreases in prices and costs of Clothing and Footwear (5.7 per cent); Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (1.3 per cent); and Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (0.6 per cent). However, this was moderated by increases in prices and costs of Recreation and Culture (1.8 per cent); Education (1.7 per cent); as well as Food and Non-Alcoholic Beverages (1.1 per cent).*
3. *Prices of Clothing and Footwear decreased following the fall in prices of clothing material and footwear. Meanwhile, the decrease in the prices and costs of Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance took into account lower prices of furniture and furnishings as well as household appliances. The decrease in prices of Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels was due to lower prices of rentals for housing.*
4. *On a month-on-month basis, the CPI in October 2018 decreased by 0.4 per cent compared to September 2018. The Food and Non-Alcoholic Beverages Index decreased by 0.2 per cent while the Non-Food Index decreased by 0.4 per cent.*
5. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for October 2018 is available from DEPD's website: www.depd.gov.bn.*

CONSUMER PRICE INDEX (2010 = 100)

Divisions	Weights (%)	Index	Change (%)	
		October 2018	October 2018 / October 2017	October 2018 / September 2018
OVERALL INDEX	100.0	99.4	-0.02	-0.4
Food and Non-Alcoholic Beverages	19.1	101.7	1.1	-0.2
Clothing and Footwear	4.2	88.3	-5.7	-2.3
Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels	11.1	96.2	-0.6	-0.02
Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance	11.0	94.1	-1.3	-0.1
Health	1.3	102.1	2.7	0.3
Transport	18.8	98.3	-0.2	-1.3
Communication	6.0	100.1	-0.3	-0.04
Recreation and Culture	9.1	101.9	1.8	-0.01
Education	3.9	110.8	1.7	-
Restaurants and Hotels	8.9	103.3	0.4	0.1
Miscellaneous Goods and Services	6.5	101.1	-0.7	0.4

